# SOALAN LAZIM PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

## SOALAN 1

Bilakah Program Matrikulasi KPM ditubuhkan dan apakah keistimewaannya?

## JAWAPAN 1

Penubuhan Program Matrikulasi KPM bermula hasil daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 1999 sebagai persediaan pelajar bumiputera lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama di universiti awam (UA) dalam bidang sains, teknologi dan profesional. Mulai sesi 2003/2004, 10 peratus daripada keseluruhan pelajar Program Matrikulasi KPM ditawarkan kepada pelajar bukan bumiputera.

Keistimewaan Program Matrikulasi KPM ialah:

a) Program ini diiktiraf oleh semua UA dan turut diiktiraf oleh universiti terkemuka luar negara (Senarai universiti luar negara terdapat pada soalan no. 22).
b) Program ini menawarkan pendidikan yang menyeluruh merangkumi bidang akademik dan pembangunan kemahiran insaniah. Pelajar Program Matrikulasi KPM berpeluang menyertai aktiviti-aktiviti sehingga ke peringkat kebangsaan.
c) Lulusan Program Matrikulasi KPM akan menerima Sijil Matrikulasi yang melayakkan mereka memohon berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam pada Gred 29 dalam 39 skim perkhidmatan (Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017).
d) Kos pengajian dan penginapan ditanggung oleh Kerajaan. Semua pelajar Program Matrikulasi KPM hanya perlu membayar yuran pendaftaran.

Terdapat 15 buah kolej matrikulasi KPM di seluruh Malaysia dan 2 Kolej MARA.

## SOALAN 2

Bagaimanakah cara memohon Program Matrikulasi KPM?

## JAWAPAN 2

Mulai sesi 2020/2021 pengambilan dan pemilihan pelajar lepasan SPM termasuklah ke Program Matrikulasi KPM diselaraskan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA JPT) atau lebih dikenali sebagai UPU melalui dasar *Single Window, Single Offer*. Sehubungan dengan itu permohonan ke Program Matrikulasi KPM perlu dibuat melalui http://upu.moe.gov.my


©2020

**SOALAN 3**

Apakah program dan jurusan yang ditawarkan?

**JAWAPAN 3**

Program Matrikulasi KPM menawarkan dua program iaitu:

1. Program Matrikulasi Sistem Dua Semester yang dilaksanakan dalam tempoh setahun yang menawarkan jurusan seperti yang berikut:
   a) Jurusan Sains;
   b) Jurusan Kejuruteraan;
   c) Jurusan Perakaunan; dan
   d) Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro) (Bumiputera sahaja)

2. Program Matrikulasi Sistem Empat Semester yang dilaksanakan dalam tempoh dua tahun (Bumiputera sahaja) yang menawarkan Jurusan Sains sahaja.

**SOALAN 4**

Apakah syarat permohonan ke Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 4**

**SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN**

- Pemohon mesti berumur tidak melebihi 20 tahun pada 1 Januari 2020.
- Pemohon mesti mendaftar mata pelajaran berikut dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2019.

**a. Jurusan Sains**

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Kimia dan salah satu mata pelajaran sama ada Fizik atau Biologi.

**b. Jurusan Kejuruteraan**

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik, Matematik Tambahan, Kimia, Fizik dan satu (1) daripada mata pelajaran seperti yang berikut:

Biologi/ Sains Tambahan/ Lukisan Kejuruteraan/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta / Sains Komputer/ Sains Sukan/ Lukisan Kejuruteraan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan / Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan.


©2020

**c. Jurusan Perakaunan**

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Matematik Tambahan. Pemohon juga perlu mengambil mana- mana dua (2) mata pelajaran seperti yang berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains/ Sains Tambahan/ Lukisan Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta / Sains Komputer/ Sains Sukan/ Lukisan Kejuruteraan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

**d. Jurusan Perakaunan Profesional**

Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Matematik dan Matematik Tambahan. Pemohon juga perlu mengambil mana- mana dua (2) mata pelajaran seperti yang berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains/ Sains Tambahan / Lukisan Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ Sains Komputer/ Sains Sukan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

**SOALAN 5**

Apakah syarat minimum permohonan ke Program Matrikulasi KPM Sistem Dua Semester?

**JAWAPAN 5**

**SYARAT KELAYAKAN MINIMUM PROGRAM MATRIKULASI SISTEM DUA SEMESTER**

Memperoleh sekurang-kurangnya gred berikut dalam peperiksaan SPM 2019:

- **Jurusan Sains**

| | |
|---|---|
| Bahasa Melayu | C |
| Bahasa Inggeris | C |
| Matematik | B |
| Matematik Tambahan | C |
| Kimia | C |
| Fizik atau Biologi | C |
| Lulus Sejarah | |

- **Jurusan Kejuruteraan**

| | |
|---|---|
| Bahasa Melayu | C |
| Bahasa Inggeris | C |
| Matematik | B |
| Matematik Tambahan | C |
| Fizik | C |

C dalam satu daripada mata pelajaran berikut:

Biologi/ Sains Tambahan / Lukisan Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ / Sains Komputer/ Sains Sukan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Lulus Kimia

Sejarah

- **Jurusan Perakaunan**

| | |
|---|---|
| Bahasa Melayu | C |
| Bahasa Inggeris | C |
| Matematik | C |
| Matematik Tambahan | C |

C dalam dua daripada mata pelajaran berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains/ Sains Tambahan/ Lukisan Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ Sains Komputer/ Sains Sukan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan / Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Lulus Sejarah


©2020

- **Jurusan Perakaunan Profesional**

| | |
|---|---|
| Bahasa Melayu | C |
| Bahasa Inggeris | A |
| Matematik | A |
| Matematik Tambahan | C |

A dalam tiga daripada mata pelajaran berikut:

Fizik/ Kimia/ Biologi/ Sains/ Sains Tambahan/ Lukisan Kejuruteraan/ Asas Kelestarian/ Pertanian/ Sains Rumah Tangga/ Reka Cipta/ Sains Komputer/ Sains Sukan/ Lukisan Kejuruteraan/ Grafik Komunikasi Teknikal/ Prinsip Perakaunan/ Ekonomi/ Perdagangan/ Perniagaan/ Pendidikan Syariah Islamiah/ Tasawwur Islam/ Pengajian Kejuruteraan Awam/ Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/ Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Lulus Sejarah

**SOALAN 6**

Apakah syarat minimum permohonan ke Program Matrikulasi KPM Sistem Empat Semester?

**JAWAPAN 6**

Memperoleh sekurang-kurangnya gred berikut dalam peperiksaan SPM 2019

- Jurusan Sains
  - Mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam Bahasa Melayu, Matematik dan Bahasa Inggeris
  - Lulus Matematik Tambahan, Kimia dan Fizik atau Biologi atau Sains Komputer
  - Lulus Sejarah

**SOALAN 7**

Apakah bidang yang boleh diceburi di peringkat ijazah pertama di UA bagi setiap jurusan yang ditawarkan?

**JAWAPAN 7**

1. **Jurusan Sains** – Perubatan, Kejuruteraan, Pergigian, Farmasi, Sains, Teknologi Maklumat, Seni Bina, Kejururawatan, Sains Forensik, Sains Kesihatan Bersekutu dan lain-lain.

2. **Jurusan Kejuruteraan** – Kejuruteraan, Seni Bina, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dan bidang teknikal lain.

3. **Jurusan Perakaunan** – Perakaunan, Pengurusan, Perniagaan, Ekonomi, Pentadbiran Awam/ Awam, Teknologi Maklumat, Pengurusan, Sumber Manusia, Undang-Undang dan lain-lain.


©2020

4. **Jurusan Perakaunan Profesional** – Sijil Profesional Association of Chartered Certified Accountants (ACCA).

**SOALAN 8**

Bolehkah murid lepasan SPM yang tidak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan memohon Jurusan Perakaunan?

**JAWAPAN 8**

**Tidak boleh**. Matematik Tambahan merupakan mata pelajaran wajib untuk memohon semua jurusan dalam Program Matrikulasi KPM.

**SOALAN 9**

Apakah yuran yang perlu dibayar oleh pelajar Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 9**

Hanya yuran pendaftaran sahaja yang dikenakan. Tiada yuran lain yang dikenakan. Kos pengajian dan kos penginapan adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan.

**SOALAN 10**

Berapakah yuran yang dikenakan kepada pelajar Program Matrikulasi?

**JAWAPAN 10**

| JURUSAN | YURAN (RM) |
|---|---|
| Sistem Dua Semester | 599.60 |
| Sistem Empat Semester bagi Jurusan Sains 2020/ 2022 | 599.60 (Tahun Ke-1) |
| | 296.60 (Tahun Ke-2) |
| Sistem Dua Semester bagi Jurusan Kejuruteraan | 599.60 |
| Sistem Dua Semester bagi Jurusan Perakaunan | 546.60 |
| Sistem Dua Semester bagi Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro) | Semester 1: 1,146.60 |
| | Semester 2: 1,690.00 |
| Sistem Empat Semester (Tahun Ke-2) bagi Jurusan Sains Sesi 2019/ 2021 | 396.60 |
| Sistem Dua Semester Mengulang Sesi 2020/2021 | 396.60 |

**SOALAN 11**

Bagaimanakah proses pemilihan pelajar dibuat?

**JAWAPAN 11**

Pemilihan pelajar dibuat berdasarkan meritokrasi. Pengiraan merit mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum.

**SOALAN 12**

Di manakah lokasi Program Matrikulasi KPM dilaksanakan?

**JAWAPAN 12**

Program Matrikulasi KPM dilaksanakan di 15 buah kolej matrikulasi KPM dan dua buah kolej MARA seperti yang berikut:

1. Kolej Matrikulasi Melaka, Masjid Tanah.
2. Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan, Kuala Pilah.
3. Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Kepala Batas.
4. Kolej Matrikulasi Perlis, Arau.
5. Kolej Matrikulasi Labuan, WP Labuan.
6. Kolej Matrikulasi Johor, Tangkak.
7. Kolej Matrikulasi Perak, Gopeng.
8. Kolej Matrikulasi Kedah, Changlun.
9. Kolej Matrikulasi Pahang, Gambang.
10. Kolej Matrikulasi Selangor, Banting.
11. Kolej Matrikulasi Kelantan, Pasir Puteh.
12. Kolej Matrikulasi Sarawak, Kuching.
13. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Kedah, Pendang.
14. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Pahang, Jengka.
15. Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor, Pontian.
16. Kolej MARA Kuala Nerang, Kuala Nerang (Jurusan Perakaunan).
17. Kolej MARA Kulim, Kulim (Jurusan Sains).

**SOALAN 13**

Bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan calon jaya ke Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 13**

Mengikut dasar *Single Window, Single Offer* pelajar akan mendapat satu tawaran sahaja dan semakan calon jaya dibuat melalui http://upu.moe.gov.my

**SOALAN 14**

Saya memohon Jurusan Sains semasa mengisi borang permohonan secara dalam talian dan saya berjaya ditawarkan Jurusan Sains. Namun sekarang saya lebih berminat dalam Jurusan Perakaunan. Apa yang perlu saya lakukan?


©2020

**JAWAPAN 14**

Permohonan pertukaran jurusan adalah bergantung kepada kekosongan. Walau bagaimanapun pelajar boleh membuat rayuan kepada Pengarah kolej masing-masing.

**SOALAN 15**

Bolehkah saya menangguh pendaftaran?

**JAWAPAN 15**

Boleh, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada syarat berikut:-

Jika tempoh penangguhan **kurang daripada LIMA hari** dengan sebab munasabah (contoh: kematian, kemalangan dll), permohonan rasmi perlu dibuat kepada pengarah kolej yang ditawarkan.

Jika **LIMA hari ATAU lebih**, permohonan rasmi secara bertulis perlu dibuat kepada Pengarah Bahagian Matrikulasi di Putrajaya.

**SOALAN 16**

Bilakah saya boleh membuat rayuan sekiranya tidak mendapat tawaran kemasukan ke Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 16**

Rayuan hendaklah dilakukan **secara dalam talian** melalui http://upu.moe.gov.my

**SOALAN 17**

Bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan rayuan ke Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 17**

Mulai sesi 2020/2021 semua urusan berkenaan permohonan dan rayuan adalah melalui http://upu.moe.gov.my

**SOALAN 18**

Adakah pelajar dari Sabah, Sarawak dan WP Labuan boleh ditempatkan di Semenanjung Malaysia?

**JAWAPAN 18**

Tidak, kecuali pelajar yang ditawarkan **Jurusan Kejuruteraan dan Perakaunan Profesional**.


©2020

**SOALAN 19**

Bolehkah saya memohon pertukaran kolej?

**JAWAPAN 19**

**Boleh sekiranya memenuhi syarat berikut:**

1. Pelajar memerlukan rawatan disebabkan sakit kronik yang berpanjangan;
2. Adik beradik kembar ditempatkan di kolej matrikulasi berlainan; dan
3. Pertukaran dari Semenanjung ke Sabah/ Sarawak atau sebaliknya.

Permohonan perlu dikemukakan kepada Pengarah Bahagian Matrikulasi KPM.

**SOALAN 20**

Adakah saya dibenarkan untuk menangguh pengajian?

**JAWAPAN 20**

**Dibenarkan** bagi pelajar yang memerlukan rawatan berterusan disebabkan masalah kesihatan kronik. Walau bagaimanapun pelajar perlu mendaftar di kolej matrikulasi yang ditetapkan sebelum memohon penangguhan pengajian. Kelulusan penangguhan ini hanya dibenarkan sekali sahaja dan perlu mendapat kelulusan Pengarah kolej tempat anda mendaftar.

**SOALAN 21**

Adakah saya dikenakan penalti jika berhenti daripada menamatkan pengajian di Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 21**

Pelajar yang berhenti daripada Program Matrikulasi KPM dikehendaki membayar penalti mengikut Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pelanggaran Perjanjian Program Matrikulasi KPM yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2016 (Pindaan 2017) **KECUALI**:

a) Pelajar mengikuti program ijazah pertama di luar negara, **atau**

b) Pelajar mengikuti program ijazah pertama kelolaan Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, **atau**

c) Pelajar mengikuti mana-mana Program Asasi atau Ijazah dalam negara dengan tajaan JPA, MARA, agensi-agensi kerajaan dan korporat, **atau**

d) Pelajar mengalami masalah kesihatan yang berlarutan selepas pernah diluluskan sekali penangguhan pengajian dengan sokongan laporan perubatan hospital kerajaan atau hospital pakar swasta sahaja, **atau**

e) Sebab-sebab lain mengikut keputusan Jawatankuasa Pengurusan Pelanggaran Perjanjian Program Matrikulasi KPM.


©2020

**SOALAN 22**

Saya berminat untuk menyambung pengajian ke luar negara, boleh berikan universiti-universiti yang menerima masuk Program Matrikulasi di luar negara?

**JAWAPAN 22**

Antara universiti terkemuka yang menerima masuk lulusan Program Matrikulasi KPM adalah seperti berikut:-

**United Kingdom:**

1. King's College London
2. University College London
3. University of Bristol
4. University of Manchester
5. University of Birmingham
6. University of Nottingham
7. University of Sheffield
8. University of Surrey
9. University of Southampton
10. St. Mary's University

**Australia:**

1. Australian National University
2. University of Sydney
3. Monash University
4. University of Queensland
5. University of Melbourne
6. University of Adelaide
7. University of New South Wales

**New Zealand:**

1. University of Auckland
2. University of Canterbury
3. University of Otago
4. Victoria University of Wellington
5. Massey University
6. Lincoln University
7. Waikato University
8. Auckland University of Technology

Pelajar perlu memenuhi syarat yang ditetapkan oleh universiti berkenaan.


©2020

**SOALAN 23**

Apakah pakej kursus yang ditawarkan dalam Program Matrikulasi?

**JAWAPAN 23**

<table>
<tr><th>JURUSAN</th><th>MODUL</th><th>KURSUS TERAS</th><th>KURSUS WAJIB</th></tr>
<tr><td rowspan="3">Sains Dua Semester & Empat Semester</td><td>I</td><td>• Mathematics<br>• Chemistry<br>• Physics<br>• Biology</td><td rowspan="5">• English<br>• Pengajian Am Matrikulasi<br>• Pendidikan Islam/Moral<br>• Kokurikulum</td></tr>
<tr><td>II</td><td>• Mathematics<br>• Chemistry<br>• Physics<br>• Computer science</td></tr>
<tr><td>III</td><td>• Mathematics<br>• Chemistry<br>• Biology<br>• Computer science</td></tr>
<tr><td>Kejuruteraan</td><td>-</td><td>• Mathematics<br>• Chemistry<br>• Physics<br>• Basic engineering</td></tr>
<tr><td>Perakaunan</td><td>-</td><td>• Mathematics<br>• Accounting<br>• Ekonomi<br>• Pengurusan Perniagaan</td></tr>
</table>


©2020

| JURUSAN | MODUL | KURSUS TERAS | KURSUS WAJIB |
|---|---|---|---|
| Perakaunan Profesional | - | • *Mathematics*<br>• *Financial Accounting*<br>• *Management Accounting*<br>• *Accountant in Business* | |

**SOALAN 24**

Bagaimanakah pencapaian akademik pelajar dinilai?

**JAWAPAN 24**

Pencapaian akademik pelajar dinilai berdasarkan kaedah seperti berikut:

i. Penilaian Berterusan (PB) – tugasan individu/kumpulan, laporan amali, esei, pembentangan, ujian praktikal, forum dan lain-lain.
ii. Peperiksaan Semester Program Matrikulasi (PSPM)

Sistem Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Sistem Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) digunakan bagi menentukan pencapaian akademik pelajar.

**SOALAN 25**

Apakah syarat kelayakan pelajar untuk menerima sijil matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 25**

Pelajar layak menerima Sijil Matrikulasi KPM jika memenuhi syarat-syarat seperti yang berikut:

i. Berdaftar sebagai pelajar Program Matrikulasi KPM
ii. Mengambil sekurang-kurangnya tiga kursus pengkhususan yang ditetapkan di Program Matrikulasi KPM
iii. Keputusan diperolehi dalam satu peperiksaan sahaja
iv. Menamatkan pengajian Program Matrikulasi KPM dalam tempoh yang ditetapkan.


©2020

## JURUSAN PERAKAUNAN PROFESIONAL (JPPro)

**SOALAN 26**

Bilakah Jurusan Perakaunan Profesional (JPPro) mula diperkenalkan?

**JAWAPAN 26**

Mula diperkenalkan pada sesi 2018/2019. Perjanjian antara ACCA dan Bahagian Matrikulasi telah ditandatangani pada tahun 2019.

**SOALAN 27**

Bagaimanakah cara memohon JPPro Program Matrikulasi KPM?

**JAWAPAN 27**

Melalui http://upu.moe.gov.my

**SOALAN 28**

Dimanakah JPPro dijalankan?

**JAWAPAN 28**

Di Kolej Matrikulasi Selangor sahaja.

**SOALAN 29**

Bagaimanakah pemilihan pelajar JPPro dibuat?

**JAWAPAN 29**

Pemilihan pelajar dibuat berdasarkan kelulusan syarat kemasukan Program Matrikulasi KPM iaitu syarat am, syarat minimum, pengiraan merit mengambil kira 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum, lulus ujian aptitud dan temuduga. Hanya ditawarkan kepada pelajar Bumiputera.


©2020

**SOALAN 30**

Apakah syarat permohonan ke JPPro?

**JAWAPAN 30**




**SOALAN 31**

Bila dan bagaimanakah saya boleh tahu saya ditawarkan untuk temuduga?

**JAWAPAN 31**

Panggilan temuduga boleh disemak secara dalam talian melalui http://apps.matrik.edu.my atau http://upu.moe.gov.my selewat- lewatnya minggu ketiga bulan April. Calon yang terpilih untuk ditemuduga juga akan dihubungi melalui e-mel yangdidaftarkan di *UPUOnline*.

**SOALAN 32**

Saya memohon ke JPPro melalui *UPUOnline*, adakah saya terus diterima ke jurusan tersebut?

**JAWAPAN 32**

Calon perlu lulus ujian aptitud dan temuduga sebelum ditawarkan untuk mengikuti JPPro. Calon jaya akandiumumkan melalui http://upu.moe.gov.my


©2020

**SOALAN 33**

Bila dan di manakah temuduga akan diadakan?

**JAWAPAN 33**

Temuduga akan diadakan pada minggu ketiga atau keempat bulan April di Kolej Matrikulasi Selangor.

**SOALAN 34**

Apakah dokumen yang diperlu dibawa semasa temuduga?

**JAWAPAN 34**

Cetakan surat panggilan temuduga, kad pengenalan, sijil lahir, salinan sijil lahir ibu dan bapa, keputusan SPM dan sijil-sijil lain yang menyokong permohonan.

**SOALAN 35**

Saya tinggal luar dari Selangor, adakah kemudahan penginapan disediakan semasa menghadiri temuduga?

**JAWAPAN 35**

Calon B40: Kemudahan asrama disediakan. Calon boleh berhubung dengan Kolej Matrikulasi Selangor di talian 03- 31201410 untuk maklumat lanjut.

Selain calon B40: Terdapat hotel-hotel dan homestay di sekitar Kolej Matrikulasi Selangor. Perbelanjaan atas tanggungan sendiri.

**SOALAN 36**

Saya tinggal luar dari Selangor, adakah kemudahan penginapan disediakan sepanjang pengajian saya dalam Program ini?

**JAWAPAN 36**

Semua pelajar disediakan penginapan di asrama secara percuma sepanjang pengajian dalam Program Matrikulasi.

**SOALAN 37**

Bolehkah murid lepasan SPM yang tidak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan memohon JPPro?

**JAWAPAN 37**

**Tidak boleh**. Matematik Tambahan merupakan mata pelajaran wajib untuk memohon semua jurusan dalam Program Matrikulasi KPM.


©2020

**SOALAN 38**

Adakah bantuan pendidikan disediakan?

**JAWAPAN 38**

Bagi pelajar yang layak, bantuan kewangan akan cuba diusahakan daripada Baitulmal/Pusat Zakat dan lain-lain.

**SOALAN 39**

Apa yang berlaku sekiranya saya tidak lulus ujian aptitud dan temuduga?

**JAWAPAN 39**

Tidak akan ditawarkan ke JPPro tetapi akan ditawarkan kursus- kursus lain yang dipohon melalui *UPUOnline*.

**SOALAN 40**

Berapa lama tempoh pengajian sebenar JPPro?

**JAWAPAN 40**

Pelajar akan mengikuti JPPro di KMS selama 1 tahun, dan akan menyambung pengajian di UiTM selama 2 ½ tahun.

**SOALAN 41**

Apakah keistimewaan JPPro?

**JAWAPAN 41**

- *Certified Accountant* (Akauntan bertauliah) pada umur 25 tahun




- Kerjasama dengan UiTM, ACCA Malaysia dan diiktiraf oleh ACCA Global
- Telah menandatangani MOU dengan ACCA Malaysia pada Julai 2019.
- Pelajar tamat dengan Sijil Matrikulasi dan kelayakan menyambung pengajian dalam bidang perakaunan profesional


©2020

**SOALAN 42**

Selepas tamat JPPro di matrikulasi, saya tidak berminat untuk menyambung pengajian dalam bidang perakaunan, adakah saya boleh menyambung pengajian dalam bidang lain?

**JAWAPAN 42**

Pelajar masih boleh menyambung pengajian lain di peringkat diploma/ijazah pertama dalam bidang selainperakaunan seperti pengurusan dan ekonomi. Pelajar JPPro juga merupakan lepasan matrikulasi.

**SOALAN 43**

Bolehkah saya memohon ke mana-mana UA selepas tamat pengajian dalam JPPro?

**JAWAPAN 43**

Keutamaan untuk pelajar menyambung pengajian dalam bidang Perakaunan Profesional di UiTM (ACCA). Pelajar yang mengikuti JPPro yang lulus dan layak akan menyambung pengajian bagi mengikuti program ACCA. Bagi pelajar yang tidak memenuhi syarat kelayakan untuk menyambung program ACCA di UiTM boleh memohon untuk menyambung pengajian dalam jurusan lain di UiTM atau mana-mana universiti lain sesuai dengan kelayakan.

**SOALAN 44**

Bolehkah saya memohon pertukaran kolej?

**JAWAPAN 44**

**Tidak Boleh.** JPPro hanya ditawarkan di **Kolej Matrikulasi Selangor**

**SOALAN 45**

Adakah saya dibenarkan untuk menangguh pengajian?

**JAWAPAN 45**

**Dibenarkan** bagi pelajar yang memerlukan rawatan berterusan disebabkan masalah kesihatan kronik. Walau bagaimanapun pelajar perlu mendaftar di kolej matrikulasi yang ditetapkan sebelum memohon penangguhan pengajian. Kelulusan penangguhan ini hanya dibenarkan sekali sahaja dan perlu mendapat kelulusan Pengarah kolej tempat anda mendaftar.


©2020

**SOALAN 46**

Apakah perbezaan antara Jurusan Perakaunan dengan JPPro?

**JAWAPAN 46**

Perbezaan adalah syarat kelayakan minimum dan mata pelajaran yang diambil kira dalam pengiraan merit.

| **JURUSAN PERAKAUNAN** | **JPPRO** |
|---|---|
| **KURSUS YANG DIPELAJARI SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN** | |
| Perakaunan | Accounting in Business |
| Ekonomi | Management Accounting |
| Pengurusan Perniagaan | Financial Accounting |
| Matematik | Matematik |
| **SEMUA KURSUS WAJIB** | |
| • Bahasa Inggeris<br>• Pendidikan Islam/Pendidikan Moral<br>• Pengajian Am Matrikulasi<br>• Kokurikulum | |
| **PELUANG KE BIDANG PROFESIONAL** | |
| Pengurusan, Sumber Manusia, Undang-Undang Perakaunan, Pengurusan, Pentadbiran Awam, Perniagaan, Ekonomi, Teknologi Maklumat dan lain-lain. | Sijil Profesional *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA). |
| Boleh mohon kesemua universiti awam jika memenuhi syarat kelayakan | Keutamaan menyambung pengajian di UiTM |

**DISEDIAKAN OLEH**

**Bahagian Matrikulasi**
**Kementerian Pendidikan Malaysia**
**Kemaskini pada 21 MEI 2020**


©2020